

Perlis Masih Punyai Ruang Untuk Pikat Pelancong, Titah Raja Muda Bernama
19 September, 2012
Daripada Adnan Jahaya

WARSAW (Poland), 19 Sept (Bernama) -- Perlis masih mempunyai ruang yang luas untuk memikat kehadiran pelancong kerana negeri di utara Semenanjung Malaysia ini bukan sahaja menawarkan keindahan semula jadi tetapi juga keenakan masakannya, titah Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Sehubungan itu, baginda bertitah siri mempromosi masakan Perlis akan diadakan secara berterusan kerana ia merupakan antara langkah berkesan untuk memperkenalkan Perlis ke mata dunia.

Bertitah merasmikan promosi masakan Perlis di ibu negara Poland itu di sini malam tadi, baginda berharap masakan itu akan terus menjadi pemikat pelancong untuk berkunjung ke negeri Indera Kayangan itu.

Selain orang ramai berpeluang menikmati keenakan masakan Perlis pada promosi itu, mereka turut berpeluang melihat lokasi pelancongan di Perlis melalui risalah yang diedarkan.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah promosi masakan Perlis telah banyak kali diadakan termasuk di China, Australia, Jepun, Indonesia, London dan New Zealand supaya Perlis turut tersenarai sebagai negeri yang menjadi pilihan pelancong.

Baginda yakin jumlah pelancong ke Perlis akan terus bertambah jika usaha berterusan dilakukan bagi menggamit para pelancong melalui pelbagai forum dan kegiatan.

Sementara itu, pelbagai masakan cita rasa Perlis dihidangkan pada majlis yang berlangsung di hotel Sheraton Warsaw itu termasuk nasi goreng, bihun goreng dan sate itu.

Promosi masakan Perlis di luar negara adalah ilham dan inisiatif Raja Muda Perlis dengan sekurang-kurangnya satu promosi bagi setiap negara yang dilawatnya.

Baginda berada di Poland sejak semalam bagi mengetuai lawatan kerja Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) ke negara ini selain Ukraine.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil manakala yang hadir sama ialah Duta Besar Malaysia ke Poland Datuk Jamaluddin Sabeh dan para penduduk Warsaw.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695635>